

Sebab-sebab Berlakunya Vandalisme di Kalangan Remaja

Isu vandalisme kerap menjadi bahan perbincangan di media massa dan antarabangsa. Isu vandalisme ini didapati semakin bertambah dari sehari ke sehari. Pada pendapat saya isu vandalisme ini tidak wajar diambil mudah oleh masyarakat dan pihak berkuasa. Jika isu ini tidak ditangani dengan segera, kerajaan akan menanggung kerugian kerana banyak harta awam yang rosak. Sebenarnya, terdapat beberapa sebab berlakunya gejala vandalisme ini khususnya di kalangan remaja.

Faktor pertama ialah ia berpunca daripada diri remaja itu sendiri. Remaja melakukan vandalisme kerana mereka tidak mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Remaja juga tidak memikirkan masalah yang dihadapi oleh orang ramai dan kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan kesan daripada perbuatan vandalisme yang mereka lakukan. Antara kemudahan awam yang sering dirosakkan oleh remaja ialah (1) _____, (2) _____ dan (3) _____. Oleh itu, remaja yang melakukan vandalisme ini sewajarnya diberi kaunseling dan dihukum dengan sewajarnya.

Sikap negatif keluarga juga turut menjadi faktor penyebab remaja melakukan vandalisme. Kebiasaannya ibu bapa tidak menegur sikap anak yang selalu merosakkan harta benda keluarga. Jika ibu bapa tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghentikan sikap negatif anak, anak yang merosakkan harta benda di rumah, pasti tabiat ini akan terbawa-bawa apabila mereka berada di luar rumah. Oleh itu, sewajarnya ibu bapa memberi (4) _____ dan (5) _____ kepada anak-anak sejak kecil agar mereka tidak bersikap negatif. Sesungguhnya, anak-anak akan terdorong untuk berkelakuan baik jika diberi panduan dan contoh yang positif daripada ibu bapa.

Sebahagian daripada permasalahan vandalisme adalah kerana pengaruh rakan. Sewajarnya remaja memilih rakan yang baik agar mereka terdorong untuk turut melakukan perkara yang baik. Jika remaja tersalah memilih kawan, pasti mereka akan terjerumus dalam kegiatan negatif seperti (6) _____. Contohnya, permainan kanak-kanak di taman permainan akan dirosakkan setelah kumpulan remaja terbabit bermain di situ. Sikap masyarakat yang tidak menegur sikap vandalisme remaja memburukkan lagi permasalahan ini.

Media massa juga banyak mempengaruhi perbuatan vandalisme di kalangan remaja. Terdapat stesen televisyen yang menyiarkan program-program yang bercorak ganas dan merosakkan harta benda yang boleh mempengaruhi remaja. Sebahagian daripada remaja terdorong untuk melakukan perkara yang sama apabila menonton rancangan sebegitu. Permainan video tentang (7) _____ juga secara tidak langsung boleh membentuk sikap remaja yang sengaja merosakkan harta benda awam. Oleh itu, pihak media massa khususnya pihak berwajib sewajarnya menapis filem-filem sebegini sebelum disiarkan di kaca televisyen.

Penguatkuasaan undang-undang yang lemah juga menjadi pendorong kepada perbuatan vandalisme. Setakat ini, tidak ramai remaja yang ditangkap kerana perbuatan vandalisme. Keadaan yang sedemikian menyebabkan para remaja (8) _____ untuk melakukan vandalisme. Oleh itu, pihak berkuasa patut menambah pegawai bagi

membuat rondaan dan pemantauan di tempat-tempat yang selalu berlakunya vandalisme. Selain itu, pesalah vandalisme perlu didakwa di mahkamah supaya menjadi (9) _____ kepada orang lain.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat banyak sebab yang mendorong kepada perlakuan vandalisme. Pada pendapat saya tidak ada satu pihak pun yang patut menuding jari kepada pihak lain tentang sebab berlakunya vandalisme. Sewajarnya semua pihak menyedari kelemahan masing-masing dan bertindak memperbaiki kelemahan tersebut. Jika semua pihak dapat bekerjasama sebagai satu pasukan, saya yakin vandalisme yang berlaku di negara ini dapat diatasi. Oleh itu, kerajaan dapat menyalurkan lebih banyak sumber kewangan untuk (10) _____ dan (11) _____ jika gejala vandalisme tidak wujud di negara kita.

pergaduhan 打架 tidak takut 不害怕 pengajaran 教训 pendidikan 教育 membina kemudahan awam 建设公共设施	telefon awam 公用电话 peralatan permainan di taman permainan 游乐场设备 dinding perhentian bas 巴士站墙壁 pendidikan agama 宗教教育 pendidikan moral 道德教育 vandalisme 破坏公物
---	---